



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTERA (B.2 / B.2 EB.3)  
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUTERA**

**JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN) /**

**B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)**

**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

- i. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Struktur, Kejuruteraan Bangunan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii. Menjadi ahli badan professional yang diiktiraf seperti *Institution of Civil Engineers (ICE)*, *Institution of Mechanical Engineers (IMechE)*, *Institution of Electrical Engineers (IEE)* atau yang setaraf dengannya adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

- i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Struktur, Kejuruteraan Bangunan atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melaksanakan kerja-kerja reka bentuk, pengawasan, pengurusan dan penyelarasan projek-projek Jabatan;
2. Membuat penyelarasan ke atas projek yang dikendalikan oleh konsultan;
3. Memberi khidmat nasihat terhadap perkara yang berhubungkait dengan kejuruteraan;
4. Membantu dan menunjuk ajar Pegawai Teknikal serta mentadbir dan mengurus pegawai dan kakitangan di bawah jagaannya; dan
5. Melaksanakan kerja-kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.